

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**  
**TARIKH : 16.3.2016 [RABU]**

**Dato' Ngeh Koo Ham[ Beruas ] minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:**

- (a) kenapa harga pasaran antarabangsa gula putih hanya lebih kurang RM1.60 sekilo tetapi harga runcit gula putih di Malaysia masih RM2.85 sekilo; dan
- (b) kenapa Kementerian tidak membatalkan hak monopoli beberapa syarikat untuk mengimport gula putih di Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Harga gula pasaran antarabangsa pada RM 1.60 sekilo ialah '*Spot-Price*' iaitu harga bekalan pada satu-satu masa bekalan sahaja (one-off) yang merupakan harga eksport dan belum merangkumi kos mengimport, kos penghantaran, kos pergudangan, kos pembungkusan serta kos-kos lain untuk membawa gula tersebut ke dalam negara.

Harga runcit gula bertapis di Malaysia ditetapkan pada RM 2.84 sekilo dengan mengambil kira kos gula mentah, *yield loss*, kos penapisan, pembungkusan, penghantaran, untung pemborong dan untung peruncit. Harga ini adalah antara yang terendah di dunia dan yang kedua terendah di Asia Tenggara selepas Thailand. Secara perbandingan, Thailand ialah pengeluar gula yang terbesar di Asia Tenggara dan pengeksport gula yang kedua terbesar di dunia.

Isu hak monopoli oleh beberapa syarikat untuk mengimport gula tidak timbul memandangkan Kerajaan masih membenarkan lesen import gula bertapis dikeluarkan kepada syarikat makan dan minuman sekiranya wujud keperluan dengan asas yang munasabah.